



Danny Ooi

Pencapaian hasil usaha gigih wajar dihargai

B-14 6/8/07 M/S 9

APA saja pencapaian tidak kira kecil atau besar perlu dihargai kerana ia juga adalah satu cabaran yang memerlukan usaha gigih dan keazaman tinggi untuk mencapainya, kata Pengarah Urusan Malaysia Book Of Records Sdn Bhd, Datuk Danny Ooi, ketika mengulas mengenai kredibiliti serta kualiti setiap rekod yang dicatatkan dalam buku terbitan syarikatnya itu.

Beliau berkata, setiap pencapaian yang dicatatkan dalam *Malaysia Book Of Records* (MBOR) adalah sesuatu yang dihasilkan menerusi usaha keras dan latihan gigih, malah ia sebenarnya tidak semudah yang disangka semua pihak.

"Memang ada yang suka memperlekehkan sesuatu pencapaian dalam MBOR kononnya terlalu remeh dan boleh dilakukan sesiapa saja, tetapi saya cabar individu yang beranggapan begitu untuk cuba mencipta apa saja rekod sebelum menilai susah atau senang sesuatu rekod dihasilkan.

"Sepatutnya, masyarakat menilai bukan berdasarkan apa rekod yang dibuat, tetapi melihat sejauh mana usaha digerakkan, kerana ia sebahagian daripada gambaran semangat 'Malaysia Boleh,'" katanya.

Beliau menafikan kenyataan sesetengah pihak yang mendakwa ada beberapa rekod dihasilkan bersandarkan kepada keupayaan kewangan individu dan lebih bersifat mengambil kesempatan mencipta nama dan populariti.

Danny berkata, sepanjang pemantauan pihaknya, belum pernah ada individu menggunakan kekayaan mereka untuk menempa nama dalam MBOR kerana kebanyakan rekod dihasilkan mencatatkan nama syarikat atau agensi yang terbabit, bukan individu.

Malah, baginya, kenyataan ada beberapa rekod yang dianggap remeh seperti mencipta kek terbesar dan seumpamanya tidak wajar dibangkitkan kerana jika dinilai dari sudut positif, pencapaian seperti itu hakikatnya memerlukan komitmen tinggi pelbagai pihak, bukan sekadar bersandarkan kemampuan kewangan semata-mata.

Menceritakan pencapaian MBOR, Danny berkata, buku yang sudah diterbitkan sejak 12 tahun lalu itu diilhamkan daripada cetusan semangat 'Malaysia Boleh' oleh Tun Dr Mahathir Mohamad ketika itu, yang mencabar masyarakat negara ini terutama golongan muda untuk menjadi warga cemerlang menjelang 2020.

Justeru, MBOR diwujudkan bagi mendokumenkan kejayaan rakyat Malaysia dalam 11 kategori termasuk pencapaian manusia, pembinaan, perniagaan, sains dan teknologi, hidupan dan alam sekitar, pengangkutan, seni, hiburan, sukan dan permainan.

Malah, sejak tempoh itu, MBOR sudah mencatatkan lebih 5,000 rekod sebagai bukti syarikat itu komited dalam membantu negara ini mencapai hasrat melihat lebih ramai masyarakat terutama generasi muda menjadi lebih kreatif, yakin pada diri sendiri serta mampu menyahut cabaran.

Danny berkata, masyarakat sewajarnya melihat dari sudut yang lebih positif kerana dengan wujud usaha menghasilkan rekod seperti mencipta kek terbesar akan menggalakkan sesuatu komuniti bekerjasama dalam satu pasukan yang kuat bagi mencapai kejayaan.

"Bukan semua negara ada buku rekod sendiri. Singapura umpamanya tidak ada satu buku yang mendokumenkan kejayaan rakyat negara itu. Justeru, negara kita lebih baik kerana ada satu mekanisme untuk mengiktiraf kejayaan rakyatnya dalam pelbagai bidang.

"Kita perlu akui bahawa tidak semua orang boleh mencipta rekod hebat seperti Datuk Malik Maidin, Datuk Azhar Mansor dan lain-lain nama yang mempunyai fizikal serta mental yang kuat untuk melakukan sesuatu di luar kemampuan orang lain, tetapi hakikatnya bukan itu saja pencapaian yang boleh dianggap luar biasa," katanya.

Beliau berkata, menuju 2020 negara ini perlu ada pasukan masyarakat yang cemerlang dan MBOR berada pada landasannya membantu negara ini mencapai hasrat itu dengan membuka ruang kepada seluruh rakyat berfikir secara kreatif.